

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Ekonomi domestik faktor utama turun naik OPR



Bisnes

bhl

Ikuti lebih

Ekonomi domestik faktor utama turun naik OPR

Jawatankuasa Dasar Monetari terus tetapkan dasar imbangi risiko inflasi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziza@bh.com.my

Bank Negara Malaysia (BNM) menegaskan sebarang keputusan berkaitan dasar monetari yang diambil tidak akan mengikut langkah yang dibuat bank pusat lain sebaliknya lebih tertumpu kepada persekitaran ekonomi domestik.

Gabenor BNM, Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus, berkata Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) akan terus menentukan dasar monetari seperti Kadar Dasar Semalam (OPR) berdasarkan pertumbuhan domestik yang mampan dan kestabilan harga, selaras dengan mandat yang diberikan kepada bank pusat.

"Saya ingin menegaskan satu perkara yang banyak diperkatakan, terutama di media sosial. BNM tidak menetapkan OPR berdasarkan keputusan bank pusat lain mengenai dasar monetari mereka," katanya pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi suku keempat 2022 di Kuala Lumpur, semalam.

Ketika mesyuarat MPC pada 19 Januari lalu, OPR dikekalkan pada 2.75 peratus selepas kenaikan 25 mata asas sebanyak empat kali berturut-turut sepanjang 2022.

Mengulas lanjut, Nor Shamsiah berkata, pengekalan kadar OPR itu membolehkan MPC menilai kesan daripada pelarasan OPR sebelum ini secara kumulatif memandangkan kesan selama masa dasar monetari terhadap ekonomi sananya terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

"MPC akan terus menetapkan dasar monetari yang mengimbangi risiko inflasi dalam negeri dan pertumbuhan yang mampan," katanya.

Nor Shamsiah juga memegaskan bahawa pembayaran balik pinjaman untuk perniagaan berada dalam aliran menaik, manakala pembayaran balik pinjaman oleh isi rumah sentiasa mampam.

Beliau berkata, kapasiti pembayaran hutang isi rumah terus disokong oleh keadaan pendapatan dan pekerjaan yang bertambah baik dan ketersediaan bantuan pembayaran balik yang berterusan.

"Apabila anda melihat keukuran mana-mana isi rumah atau perniagaan, anda perlu melihat kedua-dua aset kewangan dan liabiliti kewangan.

"Jika hanya melihat kepada peningkatan dalam OPR bagi pembayaran hutang mungkin tidak memberikan gambaran keseluruhan," katanya.

Saya ingin menegaskan satu perkara yang banyak diperkatakan, terutama di media sosial. BNM tidak menetapkan OPR berdasarkan keputusan bank pusat lain mengenai dasar monetari mereka

Nor Shamsiah Mohd Yunus, Gabenor BNM